



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN FOOD COURT UNITY KELUARGA MALAYSIA DAN SERAHAN KOTAK BANTUAN #RTCARES SEMASA PROGRAM JELAJAH PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA SARAWAK

22 Oktober 2021, Kuching, Sarawak – NILAI perpaduan di kalangan seluruh anggota masyarakat amat penting di dalam menjayakan konsep Keluarga Malaysia sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

2. Bertepatan dengan majlis pelancaran Keluarga Malaysia yang akan berlangsung di Borneo Convention Centre, Kuching, Sarawak pada Sabtu, 23 Oktober, Kementerian Perpaduan Negara turut menjalankan pelbagai inisiatif bagi menyokong aspirasi penyatuan di kalangan rakyat Malaysia melalui pelbagai kempen-kempen promosinya.

3. Meneruskan usaha tersebut, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Sadique, hari ini melancarkan **Food Court Unity Citarasa Keluarga Malaysia** di peringkat negeri Sarawak. Melalui program jelajah Perpaduan Keluarga Malaysia yang berlangsung di Kuching, **Fauziah Family Food Court** menerima sijil anugerah "Food Court Unity" atas usaha mereka memperkasa nilai-nilai perpaduan melalui aspek pemakanan.

4. Pemilihan medan selera yang dimiliki oleh pengusaha, Abang Azrin Abang Arshad ini berdasarkan keunikannya yang berkonsepkan kekeluargaan dan menjadi 'One Stop Centre' kunjungan penduduk tempatan. Lokasi ini juga mampu menarik perhatian pengunjung luar, khususnya dari Semenanjung Malaysia yang ingin merasakan keenakan pelbagai juadah merentasi bangsa dan kaum dalam suasana santai.

5. “Dalam usaha mendukung aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) meneruskan iltizam mencari persamaan-persamaan tanpa menggali perbezaan di kalangan masyarakat seluruh Malaysia. “Pengukuhan ikatan kekeluargaan dalam konsep Keluarga Malaysia dengan memperbanyakkan tapak integrasi perpaduan menjadi aktiviti berterusan Kementerian Perpaduan Negara,” jelas Datuk Halimah Sadique.

6. Kunjungan Datuk Halimah ini turut disertai oleh Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak, Dato’ Sri Fatimah Abdullah.

7. Selain itu, program jelajah Perpaduan Keluarga Malaysia diteruskan ke lokasi penduduk etnik Bidayuh, daerah Semeba, Kuching pada Sabtu, 23 Oktober. Dalam sesi ini, Menteri Perpaduan Negara diiringi ADUN Batu Kitang, YB IR Lo Khare Chiang. Turut disampaikan bantuan kotak **RT Cares #KitaBersama** kepada ahli-ahli Kawasan Rukun Tetangga yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Agihan bantuan kotak makanan dan barangan keperluan asas ini digerakkan oleh sukarelawan Komuniti Rukun Tetangga yang ketika ini dianggotai oleh lebih 200,000 individu di seluruh negara. Program RT Cares adalah selaras dengan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (*RT4ALL*) di bawah Gerak Kerja Komuniti RT Sejahtera.

8. Sepanjang lawatan kerja di Sarawak, YB Datuk Halimah turut meninjau pelbagai keperluan jentera perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan, khususnya Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak termasuk Guru Tadika Perpaduan, Komuniti Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarelawan dan lain-lain.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Oktober 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (97)